

01/06/2000

Perkeso kaji bantu pencaerum beli komputer

KUALA LUMPUR, Rabu - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan mengkaji kemungkinan memberi bantuan pembelian komputer kepada pencaerumnya, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, bantuan itu antara kemudahan yang akan diberikan oleh Perkeso bagi mempopularkan penggunaan komputer dan sebagai pertolongan kepada pencaerum sebelum mereka bersara.

Katanya, sementara itu kementerian juga sedang membuat kajian menyeluruh berkaitan cadangan Perkeso mengadakan skim kemudahan pinjaman pembelian rumah yang dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

"Ini semua cadangan yang akan dikaji oleh Perkeso dan ia bergantung kepada jumlah kutipan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat post-Kabinet di kementerianya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kutipan Perkeso yang tidak begitu banyak mungkin menyukarkan pertubuhan itu memberi kemudahan pinjaman rumah dan sebagai bantuan, Perkeso akan memberi kemudahan pinjaman pembelian komputer.

Bagaimanapun katanya, itu tidak bermakna skim kemudahan pinjaman rumah akan dimansuhkan kerana Perkeso sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan kepada pencaerum.

Mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja ladang, Fong berkata, pihaknya sedang menyediakan laporan lengkap berhubung perkara itu.

Beliau berkata, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya yang dilantik untuk membuat kajian menyeluruh berhubung isu gaji bulanan pekerja ladang dijangka menyerahkan laporan itu akhir Jun ini.

"Secara dasarnya kerajaan memang sudah bersetuju dan sekarang kita hendak putuskan kadar gaji purata yang akan melegakan pekerja ladang dan pada masa sama mengekalkan daya saing negara ini," katanya.

Fong berkata, buat masa ini beliau tidak mahu mengganggu kajian yang dilakukan pihak UM dan akan menunggu sehingga kajian itu selesai sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

Katanya, hasil keputusan itu diharap dapat dikemukakan dalam perbincangan dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa).

Ditanya sama ada Perkeso menghantar kenyataan tahunan kepada pencaerum, Fong berkata, beliau sudah meminta Perkeso berbuat demikian.

"Saya sudah minta Perkeso menghantar kenyataan itu kepada pencaerum tetapi ada masalah yang perlu diatasi seperti data pencaerum. Data ini perlu dikemaskinikan sebelum ia dapat dilaksanakan," katanya.

(END)